

**NO SOALAN :94**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
(TELOK KEMANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.08.2017**

**Y.B. DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [ TELOK KEMANG ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- (a) setakat mana Felda Global Ventures (FGV) mengikuti Perundangan dan Garis Panduan (Legislation & Guidelines) pentadbiran dan pelaburan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) ; dan
- (b) sebagai sebuah syarikat awam, sejauh mana SC mengawasi pengendalian FGV.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu berkaitan penggantungan

jawatan CEO dan CFO FGV pada bulan Jun lepas kini sedang diuruskan oleh Lembaga Pengarah FGV melalui proses perundangan yang sewajarnya. Pada 3 Julai 2017, FGV telah mengumumkan penubuhan Panel Siasatan Domestik yang sedang menyiasat isu tersebut dan siasatan dijangka akan selesai pada bulan September 2017.

Pihak Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) akan terus memantau perkembangan berkaitan FGV dan FGV telah dinasihatkan untuk membuat pengumuman mengenai perkembangan isu ini kepada Bursa Malaysia dalam kadar segera.